

13 MAY 1996  
Muhammad-Teknologi  
PUSAT TEKNOLOGI TINGGI DIWUJUDKAN DI SELANGOR

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Sebuah pusat teknologi yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan lebuhraya maklumat untuk membentuk sebuah masyarakat bermaklumat akan diwujudkan di Selangor, kata Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib di sini, hari ini.

Sebuah syarikat telahpun mengemukakan cadangan kepada kerajaan negeri untuk mewujudkan pusat itu yang dipenuhi dengan kemudahan Teknologi Maklumat (IT) yang terkini, katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan sehari bertajuk "Arah Tuju Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Abad ke-21: Satu Gagasan Tindakan."

Para penghuni dan pengguna di pusat itu boleh mendapatkan apa sahaja maklumat diperlukan dengan hanya "plug in" set komputer masing-masing di saluran yang disediakan, katanya.

Muhammad berkata pemaju pusat itu telah membuat persiapan rapi tetapi beliau enggan memberitahu di mana pusat itu akan didirikan.

Sebagai persediaan pembentukan pusat itu, Anggota-anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Selangor, serta ketua-ketua jabatan dan isteri masing-masing telah diberi latihan dan pendedahan mengenai teknologi terkini itu.

Muhammad juga berkata kerajaan negeri sedang membuat kajian mengenai pembekuan sementara pembinaan projek pencakar langit baru di negeri itu bagi mengatasi kesesakan lalulintas.

Jumaat lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa pembinaan projek seperti itu akan dibekukan buat sementara waktu di Kuala Lumpur dan pada masa yang sama kajian dilakukan untuk mengatasi kesesakan lalulintas di ibu negara.

Muhammad berkata memandangkan Selangor masih mempunyai banyak kawasan yang belum dibangunkan, projek pencakar langit mungkin digalakkan dibina di kawasan-kawasan baru.

Beliau juga berkata kerajaan negeri telah menubuhkan jawatankuasa khas yang dipertanggungjawabkan dalam bidang R&D di negeri Selangor.

Tujuh buah syarikat gergasi asing di negeri itu telah bersetuju untuk bersama-sama kerajaan negeri menjalankan kajian dan melahirkan penemuan baru bukan sahaja untuk kegunaan tempatan tetapi juga sebagai produk eksport.

Semasa merasmikan persidangan anjuran bersama Kerajaan Negeri Selangor, Institut Perkembangan Minda (INMIND) dan Institut Kajian Dasar (IKD) itu, Muhammad berkata sektor swasta perlu mempertingkatkan lagi usaha mereka dalam bidang R&D dan bukan menyerahkannya semata-mata kepada sektor awam.

Katanya sungguhpun kerajaan kini memberi tumpuan kepada bidang R&D, misalnya dengan memperuntukkan hampir RM8,000 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, pihak swasta juga perlu mengembangkan tanggungjawab mereka dalam bidang berkenaan.

Pengerusi IKD Datuk Kamaruddin Jaffar berkata bidang R&D adalah antara penyelesaian bagi negara dalam menghadapi cabaran untuk wujud sebagai sebuah negara maju mengikut acuan Malaysia.

Sungguhpun Malaysia kini berjaya dalam pelbagai bidang, R&D masih jauh ketinggalan, katanya.

Beliau kesal dengan sikap pihak swasta yang lebih berminat mencari jalan mudah dengan membeli teknologi dari luar negara daripada melibatkan dalam kajian untuk melahirkan teknologi yang diperlukan dan jauh sekali memikirkan untuk jadi pembekal teknologi untuk dieksport. -- BERNAMA

SJA NMO